

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pegawai polis atau pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (mereka bukan pegawai yang ada kaitan dengan kesihatan) adalah orang yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) sebelum dan selepas ia dipinda oleh Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit)(Pindaan) 2021 untuk mengeluarkan kompaun dan menerima wang kompaun yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

1. Untuk makluman, di bawah seksyen 3 Akta 342, Menteri boleh melantik mana-mana orang yang sesuai menjadi pegawai diberi kuasa. Sejumlah **34 agensi** telah diturunkan kuasa oleh Menteri Kesihatan di bawah seksyen 3 Akta 342 untuk menguatkuasakan Akta 342. Penurunan kuasa terkini adalah bermula 2 Ogos 2021 sehingga 31 Disember 2021.

2. Antara pegawai yang diberi kuasa adalah Pegawai Polis dan Pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang mana dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3 Akta 342 dan juga telah diturunkan kuasa oleh Ketua Pengarah Kesihatan di bawah seksyen 25 akta yang sama bagi mengkompaun apa-apa kesalahan yang boleh dikompaun.

3. Selain itu, Ketua Pengarah melalui surat penurunan kuasa terbaharu bertarikh 5 Julai 2021 telah menurunkan kuasa di bawah seksyen 25 Akta 342 kepada pegawai di 10 agensi iaitu pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pegawai Daerah dan terakhir adalah pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pindaan seksyen 25 Akta 452 yang dibuat di bawah Ordinan Darurat (Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (pindaan) 2021 hanya melibatkan nilai kompaun dan tidak meminda kuasa Ketua Pengarah.

4. Pihak PDRM, Pegawai KPDNHEP dan pegawai-pegawai dari agensi lain yang diperturunkan kuasa mengkompaun di bawah seksyen 25 Akta 342 oleh Ketua Pengarah hanya boleh mengeluarkan kompaun, manakala proses rayuan dan bayaran perlu di jelaskan di pejabat kesihatan. Sekian, terima kasih.